

KENYATAAN SEBUTHARGA
TARIKH: 11.02.2021

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada **Kontraktor BUMIPUTERA** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam **Gred Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja seperti di butiran di bawah dan sijil berkaitan mesti dalam tempoh sah laku sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum tarikh pembelian dokumen sebutharga. Sijil CIDB yang masih dalam proses pembaharuan sijil dan kurang daripada dua (2) bulan sah laku adalah **TIDAK LAYAK**.

BIL	KENYATAAN TAWARAN	SYARAT KELAYAKAN	DAERAH	PENDAFTARAN/ JUALAN DOKUMEN SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
1.	JHEAINS/SH/B/04/2021 Kerja-Kerja Menaik Taraf Kuarters Pegawai Dan Kakitangan Serta Kerja Berkaitan Di Pejabat Agama Islam Daerah Jempol Negeri Sembilan Darul Khusus.	Gred G1 Kategori B Pengkhususan B04 & Kategori CE Pengkhususan CE 21	Jempol		
2.	JHEAINS/SH/B/05/2021 Kerja-Kerja Membina Baharu Tandas Serta Kerja Berkaitan Di Masjid Kariah Jimah Baru, Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.	Gred G1 Kategori B Pengkhususan B04 & Kategori CE Pengkhususan CE 21	Port Dickson	TARIKH 22.02.2021 (ISNIN) MASA 9:00 pagi – 12:00 Tengahari (Tiada Urusniaga Waktu Petang)	TARIKH 01.03.2021 (ISNIN) Sebelum pukul 12:00 tengahari Di Unit Pembangunan Aras Bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan Darul Khusus
3.	JHEAINS/SH/B/06/2021 Kerja-Kerja Menaik Taraf Pagar Serta Kerja Berkaitan Di Surau At-Taqwa Nilai Daerah Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus.	Gred G1 Kategori B Pengkhususan B04 & Kategori CE Pengkhususan CE 21	Seremban	TEMPAT Unit Pembangunan Aras Bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan Darul Khusus	
4.	JHEAINS/SH/B/07/2021 Kerja-Kerja Menaik Taraf Bangunan Masjid Serta Kerja Berkaitan Di Masjid Kariah Selemak Daerah Rembau Negeri Sembilan Darul Khusus.	Gred G1 Kategori B Pengkhususan B04 & Kategori CE Pengkhususan CE 21	Rembau		

2. Dokumen tawaran boleh disemak di Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), bermula **22 Februari 2021 (Isnin)**. Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibuat **secara tunai berjumlah Ringgit Lima Puluh Sahaja (RM 50.00)** di Kaunter Unit Pembangunan, Aras Bawah Bahagian Khidmat Pengurusan, JHEAINS.
3. Kontraktor hendaklah membawa sijil asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Sijil Taraf Bumiputra (STB)** serta **Cap Syarikat** semasa membeli dokumen sebutharga.
4. Taklimat dan lawatan tapak **TIADA**. Pihak tuan dikehendaki untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga kerja yang munasabah.
5. Hanya **PEMILIK SYARIKAT** dibenarkan membeli dokumen sebutharga dengan membawa **KAD PENGENALAN, SIJIL ASAL** dan **COP SYARIKAT**. Wakil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
6. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri/bermetri serta ditulis dengan **Nombor** dan **Tajuk Sebutharga** di ruang atas sebelah kiri sampul surat. Sebutharga ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti alamat di bawah:

PENGARAH
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
JALAN YAMTUAN
70000 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan Darul Khusus

